




Perkara VIII

## TEKNOLOGI MAKLUMAT & KOMUNIKASI




## Perlaksanaan Perkhidmatan Infrastruktur Dan Infostruktur

### Pemasangan Rangkaian Kampus Dan Internet

Penyediaan infrastuktur rangkaian untuk 2008 - 2010 ialah seperti berikut:

- » Capaian ke Internet dari Kampus Tetap di Ulu Pauh berkelajuan 16 Mbps;
- » Capaian ke Pusat Data, Kampus Kubang Gajah dari Kampus Tetap di Ulu Pauh berkelajuan 8 Mbps;
- » Penambahan dan pemasangan UTP point
- » Penambahan dan pemasangan kemudahan akses wireless LAN
- » Pemasangan dan penyelenggaraan pembaca kad pintar untuk tujuan keselamatan dan merekod kehadiran.

### Pelaksanaan Sistem Maklumat / Automasi Pejabat



Beberapa sistem maklumat berkomputer telah dilaksanakan di Universiti sejak ditubuhkan merangkumi Sistem Pengurusan Akademik, Sistem Pengurusan Sumber Manusia, Sistem Pengurusan Kewangan, Sistem Pengurusan Perpustakaan dan Sistem Sokongan lain yang berkaitan, disediakan secara perolehan pakej, khidmat perunding dan pembangunan dalaman.

Dalam menangani perkembangan teknologi dalam bidang ICT, Pusat ICT telah mengorak langkah dengan membangun beberapa modul sistem baru bagi tahun 2008 berasaskan web seperti berikut:

- » Sistem Maklumat Ko-kurikulum  
- *Jabatan Hal Ehwal Pelajar*
- » Sistem Maklumat Penyelidikan & Pembangunan (R&D)  
- *Unit Penyelidikan & Pembangunan*



- » Sistem Pendaftaran Kursus Online (Kuratif)
  - *Jabatan Pendaftar*
- » Sistem Slip Peperiksaan Online
  - *Jabatan Pendaftar*
- » Portal Penunjuk Prestasi Utama
  - *Unit Pembangunan Korporat*
- » Online Student Information
  - *Jabatan Pendaftar*
- » Sistem Pengurusan Kolej Kediaman
  - *Kolej Kediaman*
- » Sistem Pembangunan Kerjaya
  - *Pusat Kerjasama Industri*
- » Sistem Pengijazahan
  - *Jabatan Pendaftar*
- » Sistem Permohonan Pelajar Antarabangsa Online
  - *Jabatan Pendaftar*

### Perolehan Perkakasan dan Perisian

Dalam usaha menerapkan Budaya ICT di UniMAP, Universiti telah menjalankan *perolehan komputer peribadi dan komputer riba secara berpusat* dan menetapkan sasaran membekal komputer kepada semua pensyarah dan staf pengurusan dan pentadbiran dengan nisbah 1:1 dan membekal komputer kepada pelajar dengan nisbah 1:4 sebagaimana Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara. Manakala untuk lain-lain kumpulan staf penyediaan adalah berdasarkan keperluan tugas jawatan yang akan dikaji dari semasa ke semasa.

### Sumbangan Peringkat Nasional



Pada tahun 2008, sekali lagi Malaysia telah diberi penghormatan buat kali ke-3 bagi menganjurkan ASEAN UNIVERSITY GAMES (AUG) atau Sukan Universiti ASEAN (SUA). SUA merupakan temasya dwi-tahunan yang menghimpunkan atlet-atlet universiti negara ASEAN. Kejohanan ini telah diadakan sejak 1981. SUA dianjurkan secara giliran di kalangan negara ASEAN yang menganggotai ASEAN University Sports Council (AUSC).

Buat julung-julung kalinya, Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) UniMAP telah diberi kepercayaan untuk memikul tanggungjawab dari segi aspek perkhidmatan ICT, penyediaan sistem pendaftaran atlet secara online, pengurusan pangkalan data dan pembangunan laman web rasmi SUA. Pusat ICT UniMAP telah memberi komitmen yang padu terhadap mandat yang telah diberikan dengan mula menjalankan projek ini seawal Januari 2008 sehingga Disember 2008.

Borang Pengesahan Penyertaan Permainan - Windows Internet Explorer

http://onlinesukan.unimap.edu.my/ssu\_pengesahan1lap.asp?x1qv26n=EDf8nqv0=MLK

SEBARAI UNIVERSITI MENU UTAMA KELUAR BACK

**MAKUMAT UNIVERSITI**

Nama IPTA : UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS  
 Alamat : KAMPUS BERANG GALAN,  
 04400 ARAU  
 PERLIS

No telefon : 04-9798008  
 No Faksimili : 04-9798011

Bil	Delegasi	Jumlah	
		VVIP	DELEGASI
1	KONTINGEN	0	1

Bil	Sukan	Atlet		Pegawai		Jumlah
		Lelaki	Wanita	Lelaki	Wanita	
1	BOLA SEPAK SENIOR	16	0	3	0	19
2	BOLA JARING SENIOR	0	12	0	3	15
3	TENIS CAMPURAN	9	4	3	0	16
4	SEPAK TAKRAW	10	0	3	0	13
5	BADMINTON CAMPURAN	10	4	2	0	16
6	BOLA TAMPAR LELAKI	11	0	2	0	13
7	BOLA TAMPAR WANITA	0	11	2	0	13
8	BOLA SEPAK VETERAN	20	0	3	0	23
9	CATUR LELAKI	7	0	0	0	7
10	CATUR WANITA	0	5	1	1	7
11	TENPIN BOWLING LELAKI	8	0	2	0	10
12	TENPIN BOWLING WANITA	0	5	0	0	5
13	HOKI LELAKI	20	0	3	0	23
14	GOLF TERBUKA	7	0	0	0	7
15	KAROM LELAKI	8	0	2	0	10
16	KAROM WANITA	0	4	0	0	4
17	OLAHRAGA LELAKI	30	0	3	0	33
18	OLAHRAGA WANITA	0	16	0	0	16
19	DART LELAKI	8	0	2	0	10
20	DART WANITA	0	0	0	0	0
21	FUTSAL LELAKI	5	0	2	0	7
22	FUTSAL WANITA	0	0	0	0	0

Done Internet 100%

start CoreDRAW 12 - [C]... Borang Pengesahan ... 2:37 PM